



HARUN menyampaikan cenderamata penghargaan kepada wartawan yang mewakili See Hua Daily News, David Shia.

## Pengamal media diharap terus mendidik masyarakat

UB 23.2.2014 A2

KOTA KINABALU: Pengamal media disaran agar terus memberitahu dan mendidik masyarakat dalam memastikan pembangunan dan perkembangan ilmu berjalan lancar.

Menuju ke arah itu, pengamal media harus bekerjasama dengan institusi pendidikan termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, dengan kerjasama itu ia akan dapat menyumbang ke arah pembangunan ilmu.

Katanya, tidak dapat dinafikan pengaruh media sangat besar dalam menyebarluaskan maklumat kepada masyarakat kerana

setiap penulisan berita mampu mempengaruhi cara pemikiran sesuatu bangsa.

Beliau berkata demikian semasa berucap sempena Majlis Makan Malam bersama Media di sini pada malam Jumaat lalu.

Dalam majlis itu, UMS turut menyampaikan anugerah khas kepada beberapa wakil media yang banyak memberi kerjasama kepada UMS termasuk Anugerah Wartawan Dedikasi yang diberikan kepada wartawan *Utusan Borneo*, S. Connie Pearl Suil.

Wakil-wakil agensi media juga menerima cenderamata penghargaan daripada UMS atas komitmen dan sokongan pengamal media selama ini kepada UMS.